

1.0 RAYUAN PERMOHONAN TERHADAP KELULUSAN IKLAN UBAT YANG DITOLAK

Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan 6 Peraturan-peraturan Lembaga Iklan Ubat 1976:


Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan yang dibuat oleh Lembaga Iklan Ubat boleh membuat rayuan kepada Y.B Menteri Kesihatan dan keputusan yang dibuat oleh Y.B Menteri Kesihatan adalah muktamad.

Semua notis rayuan perlu dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan oleh Lembaga Iklan Ubat.

Tempoh 30 hari diberikan untuk penghantaran informasi/data tambahan atau apa-apa dokumen bagi tujuan rayuan.

Rayuan tidak akan dilayan sekiranya semua maklumat yang diperlukan tidak dihantar dalam jangka masa yang telah ditetapkan.

1.1 PROSES RAYUAN



1.2 TEMPLAT SURAT RAYUAN

LETTERHEAD SYARIKAT PEMEGANG PENDAFTARAN PRODUK

Nama dan alamat pemegang

Tarikh :

Y.B Menteri Kesihatan Malaysia
d/a Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
Lot 36, Jalan Universiti
46350 Petaling Jaya
Selangor
(u.p: Setiausaha Lembaga Iklan Ubat)

Yang Berhormat,

PERATURAN 6 PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA IKLAN UBAT 1976 – RAYUAN PENOLAKAN PERMOHONAN KELULUSAN IKLAN UBAT

NAMA PRODUK/SERVIS KESIHATAN : Sila nyatakan nama produk / pemberi perkhidmatan kesihatan
NO. RUJUKAN : Sila nyatakan nombor rujukan pada surat keputusan penolakan kelulusan iklan ubat

Dengan segala hormatnya, pihak kami ingin membuat rayuan terhadap penolakan permohonan kelulusan iklan ubat seperti di atas.

2. Alasan-alasan rayuan serta informasi / data tambahan atau sebarang dokumen akan dihantar kepada pihak Y.B dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Tandatangan pemohon

(NAMA PEMOHON)
Jawatan Pemohon